



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

KEMPEN myPTPTN ANYTIME, ANYWHERE! ISTIMEWA UNTUK PEMINJAM PTPTN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sentiasa melaksanakan inisiatif bersepadu dan pendekatan mesra pelanggan untuk membantu serta memudahkan peminjam membuat bayaran balik pinjaman termasuk mengadakan pelbagai kempen.
2. Pada tahun 2025, PTPTN tampil dengan **Kempen myPTPTN Anytime, Anywhere!** bertujuan untuk menggalakkan peminjam melaksanakan bayaran balik pinjaman PTPTN secara konsisten pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan menggunakan platform myPTPTN di samping menghebahkan kepada orang ramai mengenai kelebihan transaksi tanpa tunai. Kempen ini terbuka kepada semua peminjam PTPTN yang menggunakan aplikasi myPTPTN. Tempoh kempen mulai 1 Januari 2025 sehingga 31 Mac 2025.
3. Melalui kempen ini, PTPTN menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM25,000 untuk 25 orang pemenang. Setiap pemenang akan menerima hadiah sebanyak RM1,000 dalam bentuk bayaran balik pinjaman PTPTN. Kempen ini juga menawarkan kategori khas istimewa buat pelanggan baharu yang ke-2.5 juta berjaya memuat turun dan membuat pengesahan identiti di myPTPTN. Pemenang berpeluang memenangi hadiah wang tunai berjumlah RM2,500 dalam bentuk bayaran balik pinjaman PTPTN.
4. Peminjam PTPTN hanya perlu membuat bayaran balik pinjaman pendidikan dengan nilai minimum RM100 dalam tempoh kempen untuk melayakkan peminjam mendapat 10 cabutan dan penyertaan adalah secara automatik. Selain itu, pengguna myPTPTN yang baharu mendaftar dalam tempoh kempen layak mendapat 20 cabutan.

5. Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, "Peminjam boleh menggunakan aplikasi web myPTPTN untuk membuat rundingan bagi pelan pembayaran fleksibel iaitu penstrukturkan semula bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan kewangan mereka. PTPTN juga melaksanakan pendekatan proaktif iaitu inisiatif #PTPTNBolehBincang dan #PTPTNSediaBantu bagi memudahkan peminjam berurusan berkaitan pinjaman dan bayaran balik dengan menyediakan pelbagai saluran perkhidmatan yang mudah, cepat dan selamat."
6. "Selain itu, kempen myPTPTN Anytime, Anywhere! adalah kempen untuk menggalakkan lebih ramai peminjam melaksanakan tanggungjawab mereka agar kelestarian dana pendidikan dapat diteruskan untuk generasi akan datang. Melalui kempen ini juga peminjam PTPTN yang memenangi hadiah wang tunai akan menerima tambahan kewangan yang secara tidak langsung membantu mereka membayar balik pinjaman," ujar beliau.
7. PTPTN berharap dengan penganjuran kempen ini akan meningkatkan kesedaran peminjam PTPTN untuk membuat bayaran balik secara konsisten melalui aplikasi myPTPTN. Untuk maklumat lanjut mengenai kempen myPTPTN Anytime, Anywhere! layari portal rasmi di www.ptptn.gov.my atau muat turun aplikasi myPTPTN untuk mendapatkan notifikasi dan perkhidmatan PTPTN pada bila-bila dan di mana sahaja dengan lebih mudah, cepat dan selamat.

Diedarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
17 Januari 2025**

Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)